

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Tujuan Dan Bidang Kajian**

Kemasukan secara beramai-ramai pendatang asing Filipina dan Indonesia ke Sabah sejak tahun 1980 an memberikan dilema kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah. Pendatang ini perlu untuk pembangunan ekonomi tetapi pada masa yang sama menimbulkan berbagai masalah. Oleh itu pihak pentadbir sukar memutuskan sama ada menerima ataupun menolak mereka dan menghalang mereka dari menetap lama tinggal di Sabah. Pada dekad 1990 an ini sahaja dianggarkan jumlah pendatang asing terutamanya Filipina dan Indonesia di Sabah mencapai setengah juta orang. Jumlah ini adalah 28% dari jumlah penduduk Sabah. Kebanjiran mereka di negeri ini dikatakan semakin rumit kerana kawalan terhadap kemasukan mereka sering tidak rapi dan pendatang terus masuk. Bahkan timbul pula tuduhan terhadap pihak-pihak tertentu yang sengaja tidak bertanggung jawab, malah ada pihak-pihak dituduh melindungi pendatang-pendatang ini.

Maka satu kajian dilaksanakan untuk melihat hubungan sosio-budaya dan aktiviti politik pendatang Filipina di Sabah. Ia akan mengenal pasti apakah elemen-elemen politik dan sosio-budaya yang membantu serta memudahkan mereka untuk lama bertahan tinggal di Sabah. Tumpuan kajian ialah sekumpulan pendatang Filipina yang tinggal di Kampung Bakau, Lahad Datu, Sabah di Bahagian Pantai Timur Sabah, memandangkan bahagian ini menjadi pintu masuk utama kepada pendatang dari Filipina dan Indonesia iaitu dua negara yang bersempadan dengan negeri Sabah.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini bertitik tolak dari hipotesis bahawa hubungan sosio-budaya yang rapat antara penduduk Malaysia dan Filipina seterusnya penglibatan mereka dalam arena politik tempatan menyebabkan mereka sentiasa dilindungi dan boleh bertahan lama tinggal di Sabah.

Penghijrahan orang Filipina ke Sabah telah berlaku dalam sejarah awal perkembangan Gugusan Kepulauan Melayu dari abad ke 15 hingga ke 19. Telah ada hubungan sosio-budaya antara sebahagian masyarakat Sabah dan masyarakat Selatan Filipina. Oleh itu, kajian ini cuba melihat adakah hubungan ini masih wujud? Jika ada, bagaimana hubungan yang sedia ada ini dapat membantu ataupun melindungi penghijrah yang baru datang?

Selain dari itu, kajian ini cuba melihat dasar-dasar yang diamalkan oleh sebilangan pemimpin politik yang dikatakan punca utama mengapa pendatang asing Filipina mendapat perlindungan di Sabah.

Ada tuduhan dari parti pembangkang (Parti Bersatu Sabah) bahawa kemasukan pendatang Filipina yang beragama Islam diperalatkan oleh ahli-ahli politik Islam dengan memberikan taraf kewarganegaraan untuk mendapat sokongan politik (Dorral, 1989:294-296 & Rachagan, 1991:253-260). Isu-isu ini banyak disuarakan oleh akhbar tempatan misalnya dilaporkan bahawa Parti USNO terlibat dalam mengeluarkan kad pengenalan palsu (Sabah Times: 17 Mac 1990, Berita Harian: 9 April 1990) dan ramai pendatang asing Filipina di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah memiliki kad pengenalan biru (Daily Express: 13 Mei 1987). Sehubungan itu, kajian ini akan cuba melihat apakah benar pendatang Filipina ini telah diberikan taraf kewarganegaraan. Jika benar mereka telah

mendapat taraf kewarganegaraan, kajian ini akan meninjau jangka masa mereka tinggal di Sabah sebelum mendapatnya. Apakah parti politik yang mereka sertai? Siapakah pemimpin-pemimpin politik yang pernah memberikan bantuan dan membuat janji-janji politik terhadap mereka? Ataupun, bagaimana perhubungan mereka dengan orang politik tempatan?

Kajian juga akan melihat keadaan sosio-ekonomi komuniti Filipina di Kampung Bakau, sambil meninjau cara-cara mereka beradaptasi dan strategi mereka untuk terus menetap di Sabah.

### **1.3 Pemilihan Kawasan Kajian**

Kampung Bakau yang dipilih sebagai tempat kajian merupakan sebuah perkampungan yang terletak di tepi pantai dan kawasan bakau dalam bandar Lahad Datu iaitu di Bahagian Tawau, Sabah. Kampung ini terletak di dalam bandar iaitu kira-kira 500 meter dari pusat bandar Lahad Datu (rujuk peta 1.1(a) dan 1.1(b)). Kampung ini, terbina bersambung-sambung dengan kampung lain seperti Kampung Puyut (Kampung Bakau II), Kampung Air dan Kampung Panji. Sempadannya hanya ditentukan oleh jeti-jeti yang dibina untuk menghubungi setiap rumah yang di bina di atas air laut. Bagaimanapun, sebelum memilih Kampung Bakau, ada beberapa kampung yang dikenal pasti menjadi pertempatan pendatang Filipina di daerah Lahad Datu seperti Kampung Panji, Kampung Puyut, Kampung Air, Kampung Ipil, Kampung Singgahmata dan Kampung Sabah Baru.

Kampung ini dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia diduduki oleh kebanyakan pendatang Filipina yang sampai ke Sabah pada tahun 1970 an dan 1980 an dan sehingga kini masih didatangi oleh pendatang tanpa izin Filipina. Oleh itu, diandaikan adalah lebih baik kawasan ini dijadikan sebagai tempat kajian untuk melihat permasalahan kaum

pendatang ini dari zaman pemberontakan di Selatan Filipina sehingga masa kini. Selain dari itu, kedudukan kampung di perairan laut Pantai Timur Sabah menyebabkan ia menjadi tumpuan pendatang tanpa izin yang baru untuk membina pertempatan.

Seterusnya kawasan ini dipilih kerana pengkaji mendapati banyak khabar daripada orang tempatan yang mengatakan ramai pendatang Filipina di Kampung Bakau ini telah mendapat '*projek kad pengenalan*' daripada orang politik. Mereka sangat aktif bergeriat dalam politik tempatan.

#### **1.4 Kaedah Kajian**

Kajian komuniti dijalankan untuk mendapatkan kebenaran fenomena-fenomena yang dikaji dan diteliti. Dalam menjalankan kajian ini, beberapa kaedah kajian telah digunakan untuk mengumpulkan data iaitu mengumpul data sekunder dan data primer, penyertaan dan pemerhatian, borang soal selidik dan temu bual.

##### **1.4.1 Mengumpul Data Sekunder**

Pengumpulan data sekunder merupakan langkah awal dipilih sebelum kajian dilaksanakan. Ini bertujuan untuk mengetahui topik-topik yang telah dikaji dan yang belum diperolehi oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Penelitian data sekunder tertumpu di beberapa perpustakaan.

##### **1.4.2 Pengumpulan Data Primer**

Pengumpulan data primer melibatkan dua peringkat iaitu di jabatan-jabatan kerajaan dan di kawasan kajian. Jabatan kerajaan yang terlibat antaranya ialah Jabatan Ketua Menteri Sabah (Bahagian Penempatan), Majlis Keselamatan Persekutuan

Cawangan Sabah (Pasukan Petugas Khas Persekutuan), Jabatan Imigresen Sabah dan Lahad Datu, Jabatan Perangkaan Sabah, Jabatan Buruh Sabah, Ibu Pejabat Polis Sabah (Cawangan Jenayah), Pejabat Polis Daerah Lahad Datu, Mahkamah Anak Negeri Lahad Datu, Majlis Daerah Lahad Datu, Pejabat Daerah Lahad Datu, Majlis Ugama Islam Daerah Lahad Datu (MUIS), Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Daerah Lahad Datu dan Pejabat Bahagian UMNO Lahad Datu (N.Silam), Sekolah Menengah Agaseh, Lahad Datu, Sekolah Menengah Sapagaya dan Sekolah Rendah Pekan I dan III.

Di peringkat kawasan kajian pula dilaksanakan melalui penyertaan dan pemerhatian, soal selidik dan temu bual yang dilakukan selama dua bulan bermula dari Mei hingga Jun 1996 dan sampel responden yang dipilih adalah seramai 56 orang ketua rumah untuk mewakili seramai 56 unit rumah.

#### i) **Penyertaan dan Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian turut serta digunakan sepanjang tempoh kerja lapangan. Bagaimanapun ianya tidak begitu menyeluruh kerana komuniti kajian ini agak luas. Kaedah ini penting terutama untuk melihat keadaan sebenar sosio-budaya dan ekonomi masyarakat yang dikaji. Sambil itu, kaedah ini melihat bagaimana interaksi mereka dengan penduduk tempatan serta penyertaan dalam aktiviti-aktiviti politik semasa.

Bagi tujuan ini, pengkaji tinggal di Lahad Datu selama lebih dua bulan untuk melakukan pemerhatian secara intensif. Pengkaji tinggal di Rumah Rehat Kerajaan terletak 0.5 Km dari tempat kajian untuk tujuan keselamatan. Setiap hari pemerhatian turut serta dilakukan bermula dari jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 atau 6.00 petang. Sekali sekala pemerhatian berlanjutan hingga ke 11.00 malam, namun ianya terhad di sekitar

pintu masuk kampung sahaja untuk menjaga keselamatan diri. Ketika itu, pengkaji sengaja bergaul dengan rakan kenalan dari kampung lain yang datang ke kampung itu untuk melihat sama ada aktiviti-aktiviti pengedaran dadah dan kegiatan pelacuran ini ada atau tidak di sana.

Kedudukan kawasan kajian dalam bandar Lahad Datu, membolehkan pengkaji untuk melakukan pemerhatian di sekitar bandar ini. Pemerhatian boleh dilakukan untuk melihat reaksi pendatang tanpa izin Filipina dan reaksi pihak polis ketika menangkap pendatang tanpa izin yang berada di bandar ini. Setiap pemerhatian dicatatkan sebagai maklumat yang boleh menyokong data yang diperolehi dalam soal selidik.

## ii) Penggunaan Kaedah Borang Soal Selidik

Borang soal selidik digunakan untuk melengkapkan data-data dari kaedah pemerhatian turut serta. Borang soal selidik ini dibuat berdasarkan soalan yang bersifat objektif dan subjektif yang menyentuh bidang kajian (lihat lampiran 20). Maklumat untuk borang kaji selidik ini didapati melalui temu bual di antara pengkaji dan ketua keluarga pendatang Filipina yang berada di kawasan kajian.

Kajian ini memberi tumpuan kepada satu komuniti pendatang Filipina sahaja dengan menggunakan teknik persampelan ‘rawak mudah.’ Dari persampelan ini, pengkaji berjaya mendapatkan seramai 56 orang ketua keluarga dan 56 unit rumah untuk dijadikan responden. Jumlah ini adalah 7% dari populasi keluarga pendatang Filipina di kampung ini yang dianggarkan seramai 800 keluarga (800 unit rumah). Mereka terdiri dari yang baru datang atau yang telah diberi taraf kewarganegaraan. Pada mulanya pengkaji merancang untuk mengambil seramai 150 hingga 200 ketua rumah untuk

dijadikan responden tetapi rancangan ini terpaksa dibatalkan kerana menerima ugutan dari penduduk kampung itu. Selepas ugutan itu, pengkaji tidak lagi masuk ke kampung berkenaan untuk menjaga keselamatan. Bagaimanapun, pengkaji meninjau dan mengikut perkembangan mereka dari informan sahaja sambil membuat temu bual dengan kaki tangan jabatan-jabatan kerajaan untuk meminta pandangan.

### **iii) Temu Bual**

Temu bual juga dijalankan untuk mencari maklumat atau pandangan daripada pendatang Filipina sendiri dan masyarakat setempat. Ia dilakukan secara formal dan tidak formal. Infoman utama ialah Encik Adin Hassaanuddin<sup>1</sup> dan pihak-pihak tertentu yang bertugas dan memegang jawatan tertentu seperti Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung (JKKK), Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung Masyarakat Pelarian (JKKKMP), Ahli Dewan Undangan Negeri Lahad Datu (ADUN), beberapa orang kaki tangan jabatan kerajaan, Pengetua atau Guru Besar sekolah dan pihak lain yang berkenaan. Temu bual dijalankan di rumah responden, di gerai makan, sekolah dan di jabatan kerajaan.

#### **1.4.3 Kesulitan Kajian**

Dalam mengendalikan kerja lapangan beberapa masalah yang agak rumit menyekat kelancaran kajian. Pertamanya, kekurangan bahan-bahan bacaan dan rujukan kerana belum banyak kajian terperinci yang dilakukan mengenai permasalahan pendatang asing di Sabah. Oleh itu, pengkaji hanya boleh mendapatkan bahan-bahan

---

<sup>1</sup> Beliau merupakan salah seorang ahli JKKKMP dan orang yang dihormati di Kampung Bakau.

rujukan dan data-data dari akhbar tempatan dan data-data yang belum diterbitkan daripada jabatan-jabatan kerajaan.

Kedua, masalah keselamatan di tempat kajian. Sebaik sahaja datang membuat tinjauan awal untuk memilih perkampungan masyarakat pendatang Filipina, ramai orang tempatan dan pihak polis di daerah Lahad Datu menceritakan kepada pengkaji perkara negatif mengenai pendatang asing misalnya masalah kegiatan jenayah seperti rompakan, pembunuhan, pergaduhan dan sebagainya yang dianggap boleh mengancam keselamatan pengkaji. Ramai di antara mereka menasihati agar tidak masuk ke perkampungan ini. Keadaan ini menyukarkan pengkaji untuk memilih kampung untuk dikaji. Selepas meninjau beberapa perkampungan pendatang Filipina seperti Kampung Bakau, Kampung Panji, Kampung Air, Kampung Puyut, Kampung Ipil, Kampung Singahmata dan Kampung Sabah Baru barulah pengkaji mengambil keputusan untuk memilih Kampung Bakau sebagai komuniti kajian. Kampung Bakau telah diistiharkan oleh pihak polis sebagai 'kawasan hitam' kerana kampung ini dikatakan sarang perompak-perompak, pembunuuh-pembunuhan, pencuri-pencuri dan sindiket-sindiket penyeludupan dadah dan pelacuran. Maka pengkaji terpaksa menanggung risiko yang tinggi untuk melakukan kerja lapangan untuk mengumpul data di kampung itu.

Untuk keselamatan, pengkaji mengambil keputusan tidak tinggal bersama di kawasan kajian dan tinggal di Rumah Rehat Kerajaan yang terletak 500 meter dari kawasan kajian. Selepas lebih dari dua bulan pengkaji telah menerima ugutan dari sindiket pengedaran dadah yang melarang agar tidak lagi masuk ke Kampung Bakau. Mereka menuduh pengkaji telah membuat laporan kepada pihak polis apabila salah seorang dari kumpulan mereka ditangkap.

Ketiga, masalah untuk mendapatkan kerja sama terutama daripada masyarakat pendatang Filipina yang memegang jawatan di kampung. Mereka sentiasa memberikan reaksi yang negatif terhadap pengkaji dan sukar untuk ditemu bual, misalnya temu janji yang dibuat dimungkiri. Kadang-kadang pengkaji menunggu mereka datang sehingga berjam-jam lamanya dan terpaksa pulang dengan tangan kosong. Selain daripada itu, sebilangan mereka cuba menjadi batu api kepada masyarakat Filipina yang lain agar tidak memberikan kerja sama. Mereka sengaja menuduh bahawa pengkaji adalah *police intelligence* yang menyiasat berhubung dengan sindiket kad pengenalan palsu dan kemasukan pendatang tanpa izin. Lagipun soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden ini, sememangnya berunsur sensitif misalnya berkenaan orang perseorangan dan orang politik yang menyokong dalam permohonan ataupun pemberian kad pengenalan (warga negara). Bahkan ada juga daripada mereka curiga dan enggan memberikan kerja sama kerana bimbang pengkaji mempunyai kaitan dengan pihak berkuasa. Mereka bimbang kedudukan mereka mungkin tergugat kerana masuk ke Sabah tanpa dokumen perjalanan yang sah. Pengkaji terpaksa mengupah seorang pengiring iaitu seorang tua yang berpengaruh berbangsa Filipina di kampung ini dengan bayaran RM 20 sehari.

Keempat, masalah bahasa juga menyulitkan kajian ini. Ramai pendatang Filipina yang baru berhijrah ke Sabah tidak pandai berbahasa Melayu. Setiap soalan yang dikemukakan terpaksa merujuk kepada pengiring mana kala jawapan yang diberikan juga melalui juru bahasa. Setiap jawapan yang diberikan oleh responden tidak semua diceritakan oleh juru bahasa, maka maklumat yang diperolehi dari kajian ini terhad kepada apa yang diberitahu oleh oleh juru bahasa sahaja. Walau bagaimanapun, seramai 59% daripada responden boleh berbahasa Melayu.

Kelima, ada juga sebilangan orang yang ditemui bual tidak mahu nama mereka ditulis sebagai pemberi maklumat terutama sekali maklumat yang mempunyai unsur-unsur sensitif. Mereka merasa bimbang, kedudukan ataupun jawatan mereka akan tergugat sekiranya maklumat yang diberikan itu bersifat bertentangan dengan tindakan pihak-pihak tertentu.

Keenam, kos perbelanjaan yang agak tinggi. Oleh kerana jarak tempat kajian adalah jauh iaitu kira-kira 1,600 Kilometer dari tempat pengajian di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan kira-kira 406 Kilometer dari tempat tinggal pengkaji di daerah Papar di Sabah, pengkaji memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk datang ke kawasan kajian. Adalah sukar untuk pengkaji berulang alik ke sana merujuk semula ataupun mendapatkan data-data yang belum lengkap selepas kerja lapangan dilakukan.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kebanjiran masuk pendatang tanpa izin khususnya rakyat Filipina semakin mendatangkan masalah yang besar kepada kerajaan Sabah. Mereka bukan sahaja dikaitkan dengan kegiatan-kegiatan jenayah bahkan kehadiran mereka dikatakan boleh menggugat Keselamatan Dalam Negeri. Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan adalah perlu untuk mengkaji permasalahan ini. Sehingga kini belum terdapat kajian khusus melihat keadaan sosio-politik pendatang Filipina.

Hasil dari kajian ini diharapkan dapat menjelaskan mengapa kemasukan pendatang Filipina secara haram ke Sabah masih sukar untuk dibendung, pada hal kerajaan telah mengadakan berbagai peraturan dan undang-undang untuk menyekat kemasukan dan mengusir mereka. Di samping itu, diharapkan kerajaan Sabah ataupun

Malaysia merancang dan menggubal satu polisi yang bertepatan dengan permasalahan yang ditemui dalam kajian ini.

Seterusnya, kajian ini boleh menambah bahan-bahan bertulis mengenai pendatang asing di Sabah. Ia juga diharapkan menjadi panduan untuk para pengkaji yang berkaitan dengan bidang kemasukan pendatang asing di Malaysia.

### **1.6 Ulasan Kajian Lepas**

Kebanyakan kajian pendatang asing di Malaysia tertumpu kepada pendatang Indonesia yang berada di Semenanjung Malaysia. Ada beberapa mengenai penghijrahan masyarakat Indonesia pada zaman sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Misalnya Tunku Shamsul (1964) dan Khazin Mohd Tamrin (1984) telah menulis mengenai sejarah penghijrahan masyarakat Indonesia ke Tanah Melayu zaman sebelum dan semasa penjajahan Barat. Dalam tulisannya Shamsul Bahrin, menjelaskan corak pertempatan, pergerakan dan peranan mereka sebagai buruh asing di Malaya. Khazin Mohd Tamrin pula menjelaskan tentang aspek-aspek kedatangan, pertempatan dan cara-cara kehidupannya orang Jawa di Selangor. Beliau berpendapat orang Indonesia merupakan salah satu dari rumpun bangsa Melayu tetapi dari segi cara hidup masih terdapat beberapa kelainan dari cara orang Melayu tempatan. Kedua-dua mereka merumuskan kedatangan orang Indonesia ke Tanah Melayu dikaitkan dengan ‘budaya merantau.’ Orang Indonesia yang datang lebih awal melalui proses asimilasi dan mereka diterima sebagai penduduk tempatan.

### **1.6.1 Kajian Mengenai Pendatang Asing (1980 an - 1990 an)**

Kajian mengenai pendatang asing dalam masa selepas merdeka telah banyak diusahakan dalam bentuk latihan ilmiah, disertasi ijazah tinggi, kertas-kertas seminar dan dalam penerbitan ilmiah. Oleh kerana kajian-kajian ini banyak, maka di sini akan diuraikan sebahagian darinya sahaja.

Azizah Kassim (1986 & 1987), menulis mengenai keadaan sosio-ekonomi pendatang asing Indonesia di Malaysia. Pada tahun 1986, beliau menjelaskan tentang masalah setinggan di Kuala Lumpur, dan sebab-sebab penghijrahan, pekerjaan, corak dan keadaan kehidupan mereka di kawasan setinggan. Beliau merumuskan bahawa walaupun pendatang Indonesia tinggal dalam pertempatan setinggan namun mereka tetap gambira menetap di Malaysia. Kejayaan mereka meneruskan kehidupan menyebabkan mereka berniat untuk menetap lama dan kemungkinan akan mengajak saudara mara mereka masuk ke kawasan setinggan. Masalah kemasukan pendatang asing menyebabkan pertambahan penduduk setinggan di Kuala Lumpur.

Pada tahun 1987, Azizah Kassim menulis tentang kemasukan orang Indonesia dan tindakan kerajaan di peringkat mikro dan makro. Tindakan kerajaan di peringkat makro dijelaskan berdasarkan artikel-artikel yang diterbitkan dari tahun 1975 hingga 1985 dan maklumat di peringkat mikro pula, dijelaskan berdasarkan kerja lapangan di beberapa kawasan setinggan di Kuala Lumpur seperti Kampung Berembang Hilir dan Kampung Datuk Keramat Dalam. Dalam tulisan ini, beliau telah menjelaskan latar belakang demografi, etnik, status sosio-ekonomi dan hubungan sosial pendatang dengan masyarakat setempat dan memuatkan pandangan masyarakat Malaysia terhadap pendatang asing Indonesia. Beliau merumuskan bahawa kerajaan Malaysia sentiasa

mengambil perhatian menyediakan ukuran-ukuran tertentu untuk bertindak mengatasi masalah akibat kehadiran pendatang Indonesia ke negara ini. Sebarang tindakan yang diambil terhad kepada bidang kuasa hubungan antara Malaysia dan Indonesia khususnya dalam negara ASEAN.

Empat lagi kajian latar belakang sosio-ekonomi yang ditulis oleh Khalid Mazlan (1988), Junipah Wandi (1992), Mohd Jefry Poon (1994) dan Ahmad Adli Yusof (1997). Khalid Mazlan (1988) memaparkan penghijrahan orang Indonesia khususnya orang Bawean baru. Beliau meniliti proses penghijrahan, corak pertempatan, latar belakang sosio-ekonomi dan penyesuaian mereka di Kuala Lumpur. Beliau merumuskan bahawa orang Bawean berintegerasi dengan ahli-ahli keluarga dan kaum kerabat: melibatkan diri dalam bidang pekerjaan yang sama dan menganggotai organisasi sosial (PERMAS) untuk berasimilasi dalam keadaan baru di Malaysia. Junipah Wandi (1992) pula menulis mengenai kegiatan sosio-ekonomi pendatang Indonesia di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur. Beliau juga menjelaskan sebab-sebab penghijrahan, status ekonomi dan kesan-kesan kemasukan pendatang Indonesia ke Malaysia. Beliau merumuskan walaupun kedatangan pendatang Indonesia ini mendatangkan kesan-kesan negatif kepada ekonomi, politik dan sosial namun ia juga membantu menyumbang kepada pembangunan negara khususnya sebagai bekalan buruh murah.

Bagaimanapun, kajian sosio-ekonomi Mohd Jefry (1994) adalah bersifat demografi yang menumpukan keadaan di tempat tuju, corak penghijrahan dan keadaan di tempat baru dan dikaitkan dengan isu pembangunan di kawasan Johor Bahru. Beliau merumuskan bahawa hubungan sosio-budaya memudahkan proses asimilasi berlaku di kalangan masyarakat Indonesia. Sementara itu, Ahmad Adli (1997) pula bersifat

etnografi dan mengaitkan perbincangannya dengan proses adaptasi yang mengubah sistem sosial masyarakat Indonesia di kawasan Felda Bukit Cherakah, Selangor. Beliau merumuskan bahawa penghijrahan buruh asing mendatangkan kesan yang baik dan tidak baik kepada negara yang menerima dan menghantar.

Ahmad Yuslam Yusoff (1995) pula menulis tentang sistem kekeluargaan pendatang Indonesia di Kampung Bumiputera, Kuala Lumpur. Beliau mengaitkan sistem keluarga dengan sistem luaran yang lain seperti pekerjaan, pelajaran, perkahwinan, hiburan dan lain-lain menimbulkan kesan kepada kejadian ‘pull-push factor’ dalam mencorakkan imigrasi mereka: kemudiannya memberi kesan langsung kepada institusi keluarga masing-masing. Beliau merumuskan migran-migran Indonesia sebelum dan selepas ke Malaysia masih dapat mempertahankan institusi kekeluargaan mereka dengan baik. Kemajuan yang mereka capai bukanlah menjadi punca untuk melupakan tanggung jawab mereka terhadap institusi keluarga masing-masing. Bagaimanapun proses kehidupan yang terlalu mengutamakan kerja mendorong keruntuhan institusi keluarga mereka dari segi tanggung jawab terhadap keluarga khususnya kasih sayang, pemerhatian dan didikan anak-anak mereka.

Selain dari itu, terdapat juga kajian-kajian yang menyentuh penglibatan buruh asing di Malaysia seperti Azizah Kassim (1993a & 1994) dan Rozilawati Shahrudin (1994). Pada tahun 1993, Azizah Kassim menjelaskan isu buruh asing yang dikaitkan dengan aliran, etnik, corak dan pembahagian pekerjaan: dan tindak balas orang Malaysia, kerajaan dan ahli-ahli politik terhadap kehadiran mereka. Beliau juga cuba menjelaskan mengenai dasar-dasar dan keperluan negara menerima buruh asing dari dekad 1970 an hingga 1990 an serta kesan-kesan kedatangan mereka. Kajian ini tertumpu di Lembah

Kelang khususnya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Beliau merumuskan pekerja atau buruh asing adalah diperlukan untuk mengatasi masalah kekurangan buruh di negara kita. Walaupun kehadiran mereka mendatangkan masalah-masalah sosial dan ekonomi kepada Malaysia, namun kerajaan kelihatan bersikap lebih liberal terhadap kemasukan mereka dan berusaha untuk mengawalnya dengan membenarkan mereka masuk secara sah mengikut kuota tertentu.

Azizah Kassim (1994) juga menulis mengenai buruh asing di Malaysia dan menyentuh corak aliran mereka ke sektor-sektor tertentu seperti pertanian, perindustrian, pembantu rumah dan lain-lain. Dalam kajian ini juga disebutkan mengenai tindakan-tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah kemasukan buruh asing ke Malaysia khususnya kebanjiran buruh asing, kemasukan secara tidak sah dan pengeksplotasi buruh asing. Di samping itu, kajian ini memuatkan kesan-kesan kemasukan buruh asing ke Malaysia dari segi ekonomi, perumahan, sosio-budaya dan politik. Beliau merumuskan bahawa kerajaan Malaysia menghadapi dilema untuk menghitung dan mengatasi masalah buruh tanpa izin di negara ini. Kehadiran buruh asing ini juga dipandang lebih banyak mendatangkan kesan negatif, kerana ramai buruh yang datang bekerja di negara ini masuk secara tidak sah.

Rozilawati Shahrudin (1994) pula menulis mengenai buruh asing di Malaysia. Beliau yang menumpukan kajiannya di kawasan Subang Jaya membincangkan tentang implikasi guna tenaga, aspek-aspek perbezaan pendapatan yang diterima dan kiriman wang ke negara asal yang dilakukan oleh mereka. Beliau merumuskan walaupun kehadiran buruh asing adalah ramai di kalangan perkerja kurang mahir, namun masalah

yang timbul tidak begitu nyata dihadapi kerana kiriman yang dilakukan oleh buruh asing ini adalah rendah serta tidak boleh menjelaskan aliran wang ke luar negara.

Dalam tahun 1995, Azizah Kassim pula banyak menulis kajian dalam bentuk kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar-seminar antarabangsa. Beliau telah membincangkan ukuran-ukuran tertentu yang dibentuk dalam polisi kerajaan untuk mengawal kemasukan buruh asing dari tahun 1970 an hingga 1990 an. Beliau merumuskan bahawa perlunya satu polisi atau ukuran-ukuran yang jelas untuk mengurangkan kemasukan pendatang tanpa izin (Azizah Kassim, 1995a). Sementara itu, ada juga tulisannya yang membincangkan tentang ‘program pengampunan’ pekerja asing tanpa izin di Malaysia. Beliau merumuskan bahawa program pengampunan bukanlah satu tindakan yang berkesan untuk menghadapi masalah pekerja asing tanpa izin (Azizah Kassim, 1995b). Selain dari itu, kajiannya juga membincangkan aliran kemasukan buruh asing ke dalam sektor-sektor ekonomi, sambil mengaitkan permasalahan dalam pembangunan perumahan di Malaysia (Azizah Kassim, 1995c). Seterusnya pada tahun 1997 beliau pula menulis kertas kerja mengenai pengaliran masuk buruh tanpa izin yang berterusan, penggunaan dan kesan-kesan kehadiran mereka di Malaysia. Beliau merumuskan bahawa aliran kemasukan buruh asing tanpa izin akan berterusan dalam jangka panjang sekiranya faktor *masa* dan *kos* pengambilan buruh asing melalui agen sukar memenuhi kehendak majikan dan pekerja.

Ada juga kajian yang ditulis mengikut bidang-bidang tertentu mengikut sektor pekerjaan. Misalnya Ahmad Anis (1984) mengkaji penglibatan wanita asing dalam kegiatan pelacuran. Beliau mengkaji mengenai cara kemasukan, pendapatan, sebab-sebab dan operasi pelacuran ini dijalankan. Beliau merumuskan walaupun negara Malaysia

mempunyai kawalan kemasukan orang asing yang ketat melalui akta-akta dan peraturan yang ada dan sedang berkuat kuasa, namun kehadiran pendatang asing tanpa izin masih lagi ramai. Zakiyah Jamaluddin (1992) pula melakukan kajian khusus di dalam sektor pembantu rumah Indonesia yang berada di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Beliau merumuskan bahawa wanita Indonesia sanggup meninggalkan kampung halaman dan keluarga ke Semenanjung Malaysia kerana ingin membina kehidupan yang lebih baik. Matlamat mereka tercapai namun tidak sepenuhnya.

Mohd Fuad Zawi (1994) dan Won Khoo Seng (1994) menulis mengenai penglibatan buruh Indonesia ke dalam sektor perladangan. Mereka mendedahkan kesan-kesan terhadap sosio-ekonomi di kawasan kajian khususnya sektor perladangan. Mohd Fuad merumuskan bahawa eksloitasi ke atas pekerja-pekerja Indonesia oleh majikan tidaklah sehebat yang disangkakan. Kalau ada pun eksloitasi yang wujud hanya berkaitan dengan perlindungan insurans dan penyediaan kemudahaan perubatan. Sebahagian besar pendatang Indonesia berpuas hati dengan kerja mereka. Mereka juga berhasrat untuk menyambung kontrak kerja mereka apabila permit kerja telah tamat. Sementara Woon Khoo Seng merumuskan penghijrahan orang Indonesia ke Malaysia disebabkan dorongan dan gambaran yang positif khususnya kedudukan, peluang-peluang pekerjaan dan ekonomi yang lebih baik di Malaysia yang diberikan oleh penghijrah-penghijrah yang lebih awal atau saudara mara dan kawan-kawan mereka.

Tulisan Azizah Kassim (1995d) juga ada memperlihatkan perlakuan-perlakuan majikan dan agensi pekerja asing informal yang sering menganiaya pekerja-pekerja asing khususnya di sektor pembantu rumah dan perladangan. Namun kajiannya hanya bersifat

umum. Responden yang dipilih sebagai kes kajian adalah sedikit. Beliau merumuskan bahawa perlunya tindakan tertentu untuk mengatasi masalah buruh asing tanpa izin.

Selain dari itu, terdapat juga kajian yang menumpukan tentang proses kemasukan orang Indonesia ke Semenanjung Malaysia oleh Marsitah Mohd Radzi (1992) dan Junipah Wandi (1995). Bagaimanapun, kajian Junipah ada memuatkan aspek adaptasi atau asimilasi mana kala Marsitah pula aspek implikasi terhadap sosio-ekonomi di kawasan kajian dan tempat asal pendatang Indonesia: dan pengaliran wang keluar negara. Marsitah merumuskan pendatang Indonesia hanya menjadikan Malaysia sebagai tempat untuk mencari rezeki yang bakal menjanjikan sebuah kehidupan yang lebih baik apabila pulang ke negara asal masing-masing. Sementara Junipah merumuskan hubungan sosio-budaya antara penduduk tempatan di Malaysia dengan orang Indonesia menyebabkan mereka mudah masuk ke negara ini. Ciri-ciri budaya seperti bahasa, etnik dan agama menyebabkan mereka mudah berasimilasi dengan penduduk tempatan.

### **1.6.2 Kajian Mengenai Pendatang Filipina**

#### **a) Kajian Tahun 1980 an**

Dalam tahun 1980 an, Samuel (1987/88) menulis satu latihan ilmiah mengenai pembantu rumah Filipina di Lembah Kelang. Bagaimanapun, tulisan beliau tidak ditumpukan di kawasan kajian sahaja, sebaliknya menceritakan keadaan yang berlaku di negara Filipina. Beliau mendedahkan penyelewengan dalam sistem pengupahan pembantu rumah Filipina. Faktor-faktor utama yang menyebabkan wanita-wanita Filipina bekerja di luar negeri dan pengalaman yang dihadapi oleh golongan ini juga ditinjau oleh Samuel. Bagaimanapun, Samuel kurang menumpukan perhatian terhadap aspek-aspek

kemanusiaan kerana tulisan beliau lebih memberi penekanan kepada proses penghijrahan dan bukan adaptasi.

Terdapat juga satu kajian lain dalam bentuk latihan ilmiah yang ditulis oleh Esah Hj. Bujang (1987/88) yang mengkhususkan kepada latar belakang sosial dan ekonomi pendatang Filipina di Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam kajian ini, didedahkan wujudnya masalah-masalah sosial dan ekonomi semasa mereka bekerja dan meneruskan hidup di Sabah. Beliau merumuskan bahawa penglibatan pendatang Filipina dalam tenaga buruh telah membantu pembangunan ekonomi negeri Sabah.

Tharan (1989) telah menulis tentang pendatang Asing Filipina di Malaysia. Kajian beliau adalah berbentuk laporan dan bersifat menyeluruh mengenai penganiayaan buruh Filipina di Malaysia khususnya yang bekerja sebagai pembantu rumah. Beliau berpendapat bahawa kedatangan pembantu rumah Filipina ke Malaysia tidaklah mendatangkan faedah dan keuntungan, malah mereka terpaksa menanggung risiko penganiayaan. Tambahan pula, ada antara mereka merasa tertekan kerana tidak dapat menebus semula harta yang telah digadaikan untuk mendapatkan wang membiayai penghijrahan. Di samping itu, beliau juga memperlihatkan beberapa kelemahan polisi kerajaan yang sebelum ini tidak menetapkan peraturan-peraturan yang boleh melindungi pekerja asing.

Satu laporan yang ditulis oleh Regis (1989) pula telah menyentuh antara lain hal-hal yang berkaitan dengan kemasukan pelarian, penghijrah ekonomi dan penghijrah tanpa izin Filipina di negeri Sabah. Bagaimanapun, beliau tidak mengkhusus kepada permasalahan pendatang ini tetapi lebih kepada aspek-aspek kependudukan di negeri Sabah selepas 25 tahun mencapai kemerdekaan.

Kajian etnografi pula dilakukan kepada orang Filipina di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah oleh Rafidah Karaman (1988/1989). Ia merupakan kajian ke atas evolusi komuniti pelarian Bajau-Ubian (Filipina) di Sabah. Fokas beliau ialah kesinambungan dan ketaksinambungan struktur sosial masyarakat Bajau-Ubian selepas kedatangan mereka dan penyesuaian mereka kepada keadaan tempatan. Beliau mendapati ada di kalangan generasi pertama masyarakat Bajau-Ubian ini masih bergantung kuat dan terikat dengan budaya tradisi dan tempat asal mereka. Generasi kedua pula sudah mulai bersepada dengan persekitaran tempatan di Sabah, namun begitu mereka masih terus mengamalkan budaya tempat asal mereka. Beliau merumuskan bahawa masyarakat pelarian Bajau-Ubian boleh dikatakan sudah mulai berasimilasi dengan masyarakat tempatan.

Ho Ting Seng (1989) pula telah menulis satu kertas kerja berkaitan dengan latar belakang penghijrahan, keadaan sosio-ekonomi dan pertempatan pendatang Filipina di Sabah. Namun kajian beliau ini tidak secara terperinci. Beberapa tempat dipilih seperti Sandakan dan Kunak untuk mendedahkan masalah-masalah yang berkaitan dengan pendatang Filipina ini. Beliau memutuskan kehadiran mereka telah membawa kesan positif dan negatif terhadap pembangunan negeri Sabah. Kajian beliau ini tidak menyentuh tentang reaksi politik golongan tempatan terhadap kehadiran pendatang Filipina di Sabah.

Dorall (1989) pula menyentuh tentang migrasi pekerja asing Filipina dan Indonesia khasnya wanita yang bekerja sebagai buruh di Sabah dan Semenanjung Malaysia. Kajian ini lebih bersifat menyeluruh dan data-data yang diperolehi bersifat umum dikutip dari akhbar tempatan. Beliau mendedahkan bahawa kehadiran pendatang

Filipina dan Indonesia telah dijadikan isu politik dan diperalatkan oleh ahli-ahli politik bagi mendapatkan sokongan untuk berkuasa dalam pemerintahan.

**b) Kajian Tahun 1990 an**

Dalam tahun 1990 an, barulah para pengkaji mula berminat mengkhususkan kajian mereka terhadap permasalahan pendatang asing Filipina di Malaysia. Namun, kebanyakan tulisan yang ada ialah dalam bentuk latihan ilmiah dan kertas kerja seminar. Rachagan (1991) misalnya, telah menulis kertas kerja berhubung dengan pelarian dan pendatang tanpa izin orang Filipina dan Vietnam di Malaysia. Beliau mendedahkan adanya perbezaan layanan di antara pelarian-pelarian Vietnam dan Filipina oleh Kerajaan Malaysia. Orang Vietnam (bukan Islam) diterima masuk ke Malaysia sebagai pelarian politik dan ditempatkan di ‘kem pelarian’ yang di kawal rapi oleh pengawal keselamatan. Sebaliknya pelarian Filipina beragama Islam pula, dibenarkan masuk sebagai pelarian politik, diberi kebebasan untuk bergerak dan membina pertempatan di negeri Sabah. Bahkan kerajaan negeri sendiri telah menyediakan gerai perniagaan dan rumah (penempatan) kepada pelarian-pelarian dengan kerja sama *United Nations High Commissioner For Refugees* (UNHCR).

Selain dari itu, kajian Rachagan juga menyentuh tentang permasalahan politik akibat kehadiran pendatang Filipina di Sabah. Beliau mendedahkan isu sebahagian ahli politik di Sabah telah memperalatkan kemasukan pelarian dan pendatang tanpa izin Filipina agar memberikan sokongan dalam pilihan raya. Ramai daripada mereka telah diberikan taraf warga negara atau kad pengenalan biru. Di sini beliau cuba memperlihatkan persaingan antara kaum pribumi yang beragama Islam dengan bukan

Islam yang bersaing untuk menang dalam pilihan raya. Permasalahan ini juga disentuh secara umum oleh Gunasekaran (1994).

Terdapat juga lima latihan ilmiah yang berhubung dengan masalah pendatang haram di Sabah iaitu oleh Kalsum (1990/1991), Kelana (1993/1994), Zulkiflie (1993/1994), Norlia (1995/96) dan Maria (1995/1996). Kajian Kalsum Mohamad Nor dan Maria David menyebutkan tentang kesan-kesan akibat kehadiran pendatang haram di Sabah terutamanya masalah kebersihan, setinggan dan jenayah. Bagaimanapun, tulisan Kalsum Mohamad Nor adalah bersifat umum dan tidak mengkhusus terhadap pendatang Filipina sahaja dan juga tidak tertumpu di satu-satu tempat. Maria David pula menumpukan kajiannya di kawasan Kota Kinabalu. Mereka merumuskan kehadiran pendatang haram membawa kesan negatif terhadap keadaan sosial dan politik di negeri Sabah. Kehadiran mereka secara haram menyebabkan timbulnya reaksi yang kurang menyenangkan di kalangan masyarakat tempatan.

Kelana Jaman (1993/94) dan Zulkiflie Hassan (1993/94) pula meneliti latar belakang sosio-ekonomi pendatang Filipina. Kedua-dua kajian mempunyai persamaan dari segi tujuan kajian dan perbezaannya hanyalah tempat kawasan kajian: Zulkiflie menjalankan kajian di Kota Kinabalu dan Kelana di Sandakan. Kelana Jaman mengaitkan kedatangan orang Filipina di Sabah dengan masalah jenayah yang semakin mengancam keselamatan negara. Beliau merumuskan kecenderungan orang Filipina melakukan jenayah di negara asal menyebabkan mereka cenderung untuk melakukan jenayah di Sabah. Zulkiflie Hassan merumuskan kedatangan mereka membawa kesan-kesan positif dan negatif terhadap pembangunan ekonomi, sosial dan politik negeri Sabah.

Norlia Appi (1995/1996) pula menulis tentang peranan pendatang asing Indonesia dan Filipina di daerah Lahad Datu Sabah. Tulisannya ada membincangkan penglibatan pendatang asing dalam pelbagai sektor ekonomi di bandar dan luar bandar khususnya sektor pertanian, perkilangan, pembinaan, pengangkutan dan perniagaan. Beliau merumuskan kekurangan tenaga buruh menyebabkan keperluan terhadap buruh asing di Sabah. Mereka memainkan peranan penting dalam menyumbangkan pembangunan ekonomi di daerah Lahad Datu.

Satu lagi latihan ilmiah ditulis oleh Lau (1993/94) berhubung dengan pembantu rumah Filipina di Lembah Kelang. Dalam kajian ini, beliau telah mendedahkan tugas yang dilakukan sebagai pembantu rumah. Kajian ini mendapati ramai di kalangan pembantu rumah telah memperolehi faedah ekonomi hasil penghijrahan mereka dan mereka masih berminat untuk terus bekerja di Malaysia. Rumusan Lau dalam kajian ini bertentangan dengan penemuan Tharan (1989) dan Samuel (1987/1988). Ini mungkin timbul kerana tempoh masa penulisan ini dilakukan adalah berlainan. Tharan dan Samuel mengkaji pada tahun 1980 an sementara Lau pada tahun 1990 an.

Latihan ilmiah yang ditulis oleh Mohd Yusran Yusuf (1994/1995) pula memokas kepada kes pelacuran wanita-wanita Filipina dan Indonesia di Sabah. Dalam kajian ini, beliau cuba mengupas masalah sosial yang berlaku setelah wanita Filipina dan Indonesia ini berhijrah ke Sabah dengan menumpukan kepada aktiviti-aktiviti pelacuran di bandar Tawau. Penulis membandingkan di antara kedua-dua bangsa iaitu Filipina dan Indonesia dan menemui perbezaan utama dalam aktiviti pelacuran mereka. Misalnya kegiatan pelacuran wanita Filipina adalah lebih tersorok berbanding dengan wanita Indonesia.

Beliau merumuskan pelacur-pelacur Filipina mempunyai status kelas tinggi berbanding dengan pelacur-pelacur Indonesia.

Pada dekad 1990 an ini, terdapat juga kajian dalam bentuk kertas projek dari Jabatan Pengajian Strategik dan Diplomasi Universiti Malaya. Antara kajian yang dijalankan ditulis oleh Abdul Hadi (1993/94) yang menumpukan masalah yang berlaku di kalangan pendatang Filipina di Kota Kinabalu Sabah. Dalam kajian ini, beliau merumuskan kehadiran pendatang tanpa izin menyebabkan pertambahan dalam kadar jenayah di Sabah. Sementara itu, Zainal Rashid (1994/95) pula menulis kertas projeknya berhubung dengan kemasukan Artis Filipina ke Kuala Lumpur dan ke Lembah Klang. Beliau memberikan gambaran bahawa kemasukan artis asing tidak menjasarkan perkembangan industri muzik dan artis tempatan, bahkan secara tidak langsung dapat meningkatkan sektor pelancungan negara ini. Kehadiran mereka adalah dijemput untuk memenuhi keperluan ekonomi hiburan tempatan dan menimbulkan persaingan sihat dengan artis-artis tempatan.

### 1.7 Rangka Teori dan Konsep

Untuk mengelakkan kekeliruan pengkaji merasakan perlu menghuraikan definisi konsep-konsep asas yang digunakan dalam disertasi ini. Konsep ini ialah *pendatang, penghijrahan, adaptasi, asimilasi* dan *politik*. Keempat-empat konsep ini dijelaskan kerana ia menjadi pokok perbincangan.

### 1.7.1 Penghijrahan dan Pendatang

Secara umumnya, konsep ‘pendatang’ didefinisikan sebagai orang yang melakukan penghijrahan dari tempat asal ke tempat baru dengan merentasi sempadan politik. Di tempat baru mereka digelar sebagai pendatang. Dalam kajian ini, orang dari negara Filipina yang berhijrah ke Sabah dikenali sebagai pendatang. Mereka ini terdiri dari pendatang yang telah mendapat taraf kewarganegaraan Sabah ataupun pendatang tanpa izin.

Berbagai definisi yang telah dibuat oleh para sarjana Barat untuk memberi gambaran yang sewajarnya tentang konsep penghijrahan. Menurut Meyer Fortes yang dipetik dari Du Toit (1975) konsep migrasi (penghijrahan) didefinisikan sebagai pergerakan individu menyeberangi sempadan politik. Sempadan yang dimaksudkan adalah bersifat geografi, struktur dan etnik atau bahagian lain yang diakui oleh pengkaji. Di sini individu (migran) juga mungkin perlukan gaya hidup baru, sikap baru dan tingkah laku baru. Konsep migrasi ini dibezakan dengan konsep mobiliti kerana mobiliti melibatkan pergerakan individu di dalam sempadan (Du Toit, 1975: 5).

Goldscheider (1983:21) menjelaskan bahawa penghijrahan mungkin didefinisikan sebagai perpindahan wilayah secara tetap atau sementara yang melibatkan perubahan aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi. Beliau meletakkan tiga elemen penting untuk melihat penghijrahan iaitu kawasan tempat asal, kawasan yang dituju dan halangan penghijrahan. Upreti (1981) pula menjelaskan bahawa ‘migrasi’ juga dianggap sebagai masalah sosial. Menurutnya:

**“It may, moreover, be considered as an act of individual or group choice.  
It reflects the attitude and behaviour of individual to certain individual**

**and social conditions which are available (or present) in their places of origin as well as in the places they migrate to. ...Migration is not biologically determined and universal in the same sense as births and deaths are. All are born and all die but only some migrate. Even when strong incentives to move are present, migration results through an act of human will."**

(Upreti, 1981: 4)

Menurut Kammeyer dan Ginn (1986) pula, penghijrahan merupakan salah satu dari tiga proses perubahan penduduk (dua darinya martaliti dan fertaliti). Ia memberikan kesan pertambahan dan pengurangan penduduk sesuatu wilayah. Definisi penghijrahan boleh berubah bergantung kepada isu. Ia didefinisikan sebagai pergerakan seseorang individu atau kumpulan dari satu tempat ke tempat yang lain bila mereka mempunyai niat untuk tinggal di tempat baru dalam beberapa tempoh atau masa tertentu. Sementara definisi migran ialah orang yang berhijrah (secara tetap di dalam sebuah wilayah). Terdapat tiga isu penting dalam kajian migrasi iaitu sifat-sifat migrasi, sebab-sebab migrasi dan kesan-kesan migrasi (Kammeyer dan Ginn, 1986: 106-109).

Barret (1992) pula mendefinisikan istilah migrasi sebagai pergerakan individu di dalam sebuah wilayah sama ada secara tetap (permanent) ataupun separuh tetap (semi-permanent). Ia dimulakan dari kawasan tempat asal (area of origin) dilengkapi ke kawasan tempat tuju (area of destination) dan mungkin menetap sekurang-kurang selama setahun. Apabila seorang penghijrah menyeberangi sempadan antarabangsa mereka digelar sebagai *emigrants* setelah bertolak atau *immigrants* sekiranya mereka masuk ke negara lain. Penghijrah-penghijrah yang bergerak di dalam sebuah negara digelar sebagai *out-migrants* (migran keluar) atau *in-migrants* (migran masuk). Jika bilangan migran-migran yang terlibat adalah besar, penghijrahan ini disebut sebagai aliran atau arus migrasi (Barret, 1992:138).

Menurut Bouge (1959: 486), istilah penghijrahan ini dibahagikan kepada dua cabang iaitu *internal migration* dan *international migration*. Migrasi antarabangsa (*international migration*) merujuk kepada penghijrahan yang melepassi sempadan antarabangsa. Penghijrahan dilakukan sama ada secara sah atau tidak sah oleh seseorang pelawat, pelajar atau pekerja sementara. Biasanya penghijrahan antarabangsa ini didorong oleh faktor ekonomi dan politik; yang mana kadang-kadang kedua-dua faktor ini dipercayai sebagai faktor ‘penolak’ dan ‘penarik’ atau salah satunya sebagai faktor ‘penolak’ (Matras, 1977:211-212). Misalnya penghijrahan orang Filipina ke Malaysia disebut sebagai migrasi antarabangsa. Pergolakan politik tahun 1970-an dan peluang pekerjaan terhad sebagai faktor penolak kepada mereka untuk datang ke Malaysia. Sementara keadaan aman damai dan peluang pekerjaan yang banyak di Malaysia sebagai faktor penarik kepada orang Filipina.

Migrasi dalaman (*internal migration*) merujuk kepada penghijrahan dalam sebuah negara sahaja (Thomlinson, 1965: 211). Penghijrahan ini juga melibatkan pergerakan individu atau kumpulan misalnya dari luar bandar ke bandar, dari bandar ke bandar dan dari bandar ke luar bandar. Misalnya penghijrahan dari kawasan Sebak Bernam, Selangor ke Kuala Lumpur dikenali sebagai penghijrahan dari kawasan luar bandar ke bandar, penghijrahan dari Kuantan ke Johor Bahru dikenali sebagai penghijrahan dari bandar ke bandar dan penghijrahan dari Kuala Lumpur ke kawasan Felda Jelai Negeri Sembilan dikenali sebagai penghijrahan dari kawasan bandar ke luar bandar.

Ahli-ahli sosiologi pula mengukur penghijrahan dari tiga sudut iaitu i) kesedaran sosial (di tempat asal); ii) kesedaran budaya (di tempat asal) dan: iii) nilai baru atau perubahan sosial (di tempat tuju). Oleh kerana penghijrahan melibatkan penyesuaian

dalam masyarakat baru maka pengalaman migran akan berubah di dalam sistem interaksi mereka. Perubahan interaksi melibatkan kesedaran sosial dan budaya di tempat asal akan membentuk ikatan dan nilai baru di tempat tuju (Lewis, 1982:7). Eisenstandt menyatakan bahawa:

**“We define migration as the physical transition of an individual or group from one society to another. This transition usually involves abandoning one social setting and entering another and different one. Keeping this definition in mind, we can ascertain the basic socio-psychological components of each stage or aspect of the migratory movement.”**

(Eisenstandt,1954:1)

Beliau berpendapat ada tiga perkara penting dalam penghijrahan. Pertamanya, tujuan berhijrah iaitu keperluan atau kecenderungan individu itu berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Kedua, struktur sosial yang memudahkan proses migrasi iaitu perpindahan individu dari masyarakat asal kepada masyarakat baru. Ketiga, penyerapan pendatang ke dalam budaya dan masyarakat baru.

Menurut Kammeyer dan Ginn (1986: 116-124) bahawa ada tiga perspektif utama dalam teori yang mengambarkan sebab-sebab migrasi iaitu:

- 1) Teori Ravenstein's (Hukum-Hukum Migrasi)
- 2) Teori Ekologi
- 3) Teori Lee's

*Ravenstein's theory* berdasarkan “The Laws of Migration” oleh Ravenstein (1885,1889). Ravenstein menulis bahawa aliran penghijrahan berlaku dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar. Ravenstein juga memerhatikan aliran migrasi berlaku: aliran secara berasingan dari tempat asal ke tempat tuju. Apabila aliran penghijrahan terjadi, migran-migran juga bergerak secara bersilang. Perbezaan-perbezaan migrasi dirujuk

kepada migran. Ravenstein menulis aliran penghijrahan lebih ramai dilakukan oleh perempuan berbanding dengan lelaki dalam jarak yang dekat. Beliau juga mendapati penghijrahan ini dikaitkan dengan umur iaitu lebih ramai dilakukan dari kalangan umur dewasa dan mencadangkan motif ekonomi sebagai asas penghijrahan.

*Teori Ravestein's* merumuskan beberapa hukum migrasi bahawa, (i) kebanyakan migrasi berlaku bagi jarak dekat, (ii) migrasi berlaku peringkat demi peringkat dan seorang migran akan menggantikan seorang migran yang lain, (iii) setiap arus migrasi akan diikuti oleh arus migrasi balik (songsang), (iv) migrasi jarak jauh adalah gerakan ke bandar-bandar, (v) orang perempuan lebih ramai berhijrah berbanding dengan lelaki, (vii) kemajuan teknologi dan perindustrian akan menambahkan kadar migrasi (Usman Hj Yaakob: 1989:241).

'Ecological theories of migration' cuba menjelaskan penghijrahan mengikut tahap sosial. Teori ini menjelaskan tentang keseimbangan antara saiz penduduk, organisasi sosial, teknologi dan persekitaran. Jika terdapat perubahan besar dalam organisasi masyarakat, teknologi baru atau perubahan persekitaran, kemudian penduduk sama ada bertambah atau menurun. Terdapat tiga proses demografi iaitu kelahiran, kematian dan migrasi – mungkin membantu mencapai keseimbangan. Tetapi migrasi kelihatan sebagai kesan atau tindak balas serta merta. Taburan penduduk akan berganjak melalui proses penghijrahan hingga terjadi keseimbangan antara kawasan yang mempunyai peluang-peluang ekonomi berkembang dan kawasan yang mempunyai peluang ekonomi yang terhad.

Selain dari itu, model ekologi juga semakin luas digunakan untuk menjelaskan migrasi dari desa ke bandar di Amerika Syarikat. Misalnya peningkatan ekonomi

khususnya dalam aktiviti perindustrian dan perdagangan di kawasan bandar menyebabkan banyak peluang pekerjaan disediakan (perubahan dalam organisasi sosial). Ini bermaksud perkembangan industri baru dan peluang pekerjaan di kawasan bandar diseimbangkan dengan penghijrahan penduduk dari kawasan desa ke bandar untuk mendapat peluang pekerjaan. Tanpa penghijrahan dari penduduk, maka wujud keadaan tidak seimbang antara saiz penduduk dengan peluang pekerjaan.

*Teori Lee's* merupakan teori awal dalam '*decision-making theory of migration*' oleh Everett Lee (1966). Lee mengemukakan empat faktor umum yang berasal dari berbagai hipotesis migrasi. Setiap penghijrahan didorong (1) faktor positif dan negatif di tempat asal (2) faktor positif dan negatif di tempat tuju (3) halangan perjalanan (4) faktor-faktor peribadi. Faktor positif dan negatif di kawasan tempat asal dan tuju mungkin bergantung kepada penilaian kawasan, bangsa, umur, pelajaran, jantina, agama, peluang-peluang pekerjaan, peraturan-peraturan kehidupan, iklim, budaya dan kemudahan yang sedia ada dan sebagainya. Halangan perjalanan merujuk kepada faktor-faktor atau kesulitan yang dihadapi untuk berhijrah dari satu tempat ke tempat lain.


Sementara, faktor-faktor peribadi ini mempunyai makna yang berbeza yang dipengaruhi oleh ciri-ciri seseorang atau keluarga, saiz keluarga atau tahap kehidupan keluarga. Ia juga melibatkan kepekaan peribadi, keintelektualan, kesedaran dan sebagainya. Jika faktor-faktor peribadi ini melibatkan ilmu pengetahuan, persepsi dan kesedaran individu maka tiga dari faktor dalam teori Lee mesti selalunya ditapis oleh faktor keempat. Nilai positif dan negatif di tempat asal dan tuju dipandang sebagai halangan perjalanan (*intervening obstacles*) apabila mempengaruhi fikiran migran. Teori ini membahagikan tiga faktor utama iaitu – nilai di tempat asal, nilai di tempat tuju dan

halangan perjalanan (intervening obstacles)- (lihat gambarajah 1.1). Keputusan seorang itu melalui persepsi dan pengetahuan mereka. Lee mengikut Kammeyer & Ginn mengatakan,

**“Clearly the set of +'s and -'s at both the origin and destination is differently defined for every migrant or projective migrant” –**

(Kammeyer & Ginn, 1986: 116-119)

**Gambarajah 1.1**  
**Faktor-Faktor Tempat Asal, Tempat Tuju dan Halangan Perjalanan dalam**  
**Migrasi – Teori Migrasi Lee's**



Sumber: dipetik dari Kenneth C.W. Kammeyer & Helen Ginn (1986:119)

Beijer (1969:48) menjelaskan empat motif utama yang mempengaruhi penghijrahan antarabangsa:

- (1) Cita-cita, peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik
- (2) Harapan, masa depan anak yang lebih baik
- (3) Keberanian, untuk memulakan kehidupan atau semangat yang lebih baik
- (4) Peluang-peluang ekonomi yang lebih baik

Kesemua faktor yang diberikan ini merupakan faktor ekonomi. Namun faktor ini adalah paling penting mempengaruhi penghijrahan berjuta-juta orang Eropah ke Amerika Syarikat dalam tempoh sebelum Perang Dunia Pertama.

### **1.7.2 Adaptasi Dan Asimilasi**

Konsep adaptasi didefinisikan sebagai proses penyesuaian manusia dengan berbagai cara untuk ‘survival’ diri mereka untuk mengekalkan generasi pada masa hadapan. Dalam jangka panjang, proses ini bergantung kepada kemampuan manusia untuk menyesuaikan diri menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi. Konsep ini merangkumi semua tindak balas dan tingkah laku manusia dalam merebut peluang-peluang kehidupan yang mungkin tidak diperolehi dengan serta merta. Di sini, manusia dikatakan sentiasa menyesuaikan diri dengan belajar cara baru dalam banyak perkara: misalnya ledakan penduduk di atasi dengan menyesuaikan sistem pengeluaran makanan dan lain-lain teknologi (Bates, 1991:16).

Adaptasi juga memperlihatkan perubahan semua jenis hubungan manusia dengan persekitaran. Perubahan ini boleh jadi tidak ideal, seperti persekitaran berterusan berubah. Ini bermaksud tidak ada ukuran-ukuran adaptasi yang sempurna atau lengkap. Seseorang itu akan menanggung risiko dan kos tertentu. Adaptasi juga selalunya bersifat optimis sebab manusia yang terlibat biasanya menggunakan apa-apa sumber yang ada pada setiap masa sama ada melibatkan genetik ataupun budaya (Bates, 1991:16).

Dalam konteks penghijrahan, adaptasi pula didefinisikan sebagai tindak balas migran menyesuaikan diri dalam persekitaran fizikal, ekonomi dan sosial mengikut keadaan di tempat baru. Biasanya penyesuaian adalah paling sukar sekiranya penghijrah

datang dari latar belakang budaya yang berbeza di tempat baru (tuju). Masalah yang berlaku biasanya dari segi bahasa dan nilai-nilai budaya yang mempengaruhi tingkah laku orang di tempat baru.

Selain dari itu, adaptasi juga selalunya dikaitkan dengan budaya untuk memahami proses perubahan budaya dari perspektif evolusi manusia. Evolusi budaya spesifiknya dimaksudkan sebagai adaptasi terhadap persekitaran tempatan. Ia dianggap berkembang dari tahap rendah. Perkembangan ini lebih stabil dan berjaya apabila ia dapat disesuaikan dengan persekitaran, kemudiannya menjadi yang berdaya maju. Misalnya perkembangan budaya dalam masyarakat memungut dan memburu kepada masyarakat bertamadun dan industri setelah beradaptasi dengan persekitaran (Bodley, 1976: 26-29). Seperti penyesuaian biologikal, manusia juga menggunakan penyesuaian budaya untuk meneruskan adat dan aktiviti-aktiviti harian (Kottak, 1994: 44). Setiap orang mempunyai cara-cara yang kompleks dalam diri mereka di mana dia menggunakan sepenuh tenaganya untuk menyesuaikan diri. Cara ini disebutkan sebagai strategi adaptasi (*strategy of adaptation*). Setiap strategi adaptasi ini memerlukan kesesuaian dalam setiap perhubungan organisasi sosial: tidak ada adaptasi yang berkesan tanpa penerimaan kumpulan-kumpulan dalam masyarakat (Cohen, 1974: 45-46).

Di samping itu, Cohen berpendapat bahawa strategi adaptasi juga digunakan dalam institusi politik. Ia sebagai asas untuk menyisihkan perbezaan umum antara masyarakat warga negara dan bukan warga negara. Kehidupan sosial masyarakat bukan warga negara merupakan masyarakat yang dikawal melalui institusi tempatan tanpa campur tangan autoriti pusat. Autonomi tempatan berperanan menentukan susunan, penyesuaian dan mengawal sebarang keputusan: kuasa autonomi ini mungkin diputuskan

oleh golongan korprat atau ahli-ahli politik sambil dipengaruhi sifat nepotisme atau ikatan kekeluargaan. Selalunya autonomi tempatan ini dieksplorasi untuk kepentingan diri misalnya di dalam pentadbiran pemilikan tanah dan keputusan permohonan peraturan mahkamah (Cohen, 1974:53).

Selain dari itu, konsep adaptasi biasanya dikaitkan dengan konsep *asimilasi*. Asimilasi merupakan suatu proses penyerapan budaya. Dalam proses ini, kebudayaan sesuatu masyarakat akan diserap oleh satu budaya yang lebih dominan. Namun ia tidak memberikan kesan perubahan kepada kebudayaan yang menyerap. Proses ini dikatakan sebagai penyerapan satu hala. Bagaimanapun ramai ahli antropologi yang berpendapat bahawa proses asimilasi juga berlaku dalam dua hala. Kedua-dua budaya yang diserap dan menyerap mengalami perubahan, namun budaya yang diserap ini dikatakan lebih banyak perubahan. Sebagai contoh, orang Cina yang berasimilasi dengan orang Melayu telah banyak meninggalkan cara hidup mereka dan sebaliknya mengamalkan cara hidup orang Melayu. Orang Melayu pula sedikit sebanyak telah menerima cara hidup orang Cina (Norazit, 1993:18-19).

Bagaimanapun, ahli-ahli sains sosial selalu mendefinisikan konsep asimilasi sebagai proses menyeluruh yang melibatkan beberapa sub-proses. Sub-proses yang terlibat ialah akulturasi, asimilasi struktur, asimilasi identiti, asimilasi disiplin dan kacukan (Grissman, 1975: 147-148). Antara maksud sub-proses itu adalah seperti berikut:

1. Akulturasi (*acculturation*) – melibatkan pengubah suaian budaya satu kumpulan (minoriti) kepada kumpulan yang lain (majoriti). Ia disifatkan sebagai perolehan atau perubahan ciri-ciri budaya. Misalnya migran biasanya akan belajar bahasa di tempat baru sebagai langkah pertama dalam akulturasi.

2. Asimilasi Struktur (*structural assimilation*) – mungkin struktur budaya ahli-ahli golongan minoriti akan terbantut. Ini kerana penyerapan budaya baru dalam proses asimilasi akan menghilangkan identiti golongan minoriti. Jika struktur asimilasi menjadi lebih luas dalam akulturasi sama ada secara serentak atau sebaliknya, maka semua jenis asimilasi akan berlaku.
3. Asimilasi Identiti (*identificational assimilation*) – wujud bila nilai masyarakat dominan (majoriti) menjadi rujukan penting ke atas ahli-ahli golongan minoriti. Identiti asimilasi ini juga dirasakan dipunyai oleh golongan minoriti. Misalnya melibatkan identiti bahasa, moral, budaya dan agama.
4. Asimilasi Sivik (*civic assimilation*) – merujuk kepada penghapusan konflik yang diasaskan oleh identiti ras atau etnik. Ia melibatkan semua mekanisme pengabungan pelbagai unsur ke dalam satu unit politik yang menyeluruh.
5. Perkahwinan Campur (*intermarriage*) – merupakan perlanjutan di dalam asimilasi struktur, kerana ia sebagai percampuran ahli-ahli minoriti ke dalam golongan asas dalam masyarakat. Ini ketara di dalam perkahwinan yang diatur oleh keluarga dalam sebuah masyarakat.

### 1.7.3 Politik

Secara umum, konsep *politik* ditakrifkan sebagai segala bentuk tipu muslihat, helah atau taktik yang membolehkan seseorang menguasai orang lain. Dalam buku pertama “*Politics*” ditulis oleh Aristotle’s (335-332 Sebelum Masihi), dinyatakan bahawa politik dikaitkan dengan semua jenis kuasa (*authority*) yang membezakan kuasa seorang ketua politik di dalam persatuan politik atau negara (*polis*) dari bentuk kuasa yang lain misalnya seperti kuasa tuan kepada hamba, kuasa suami kepada isteri dan kuasa ibubapa kepada anak-anak. Dalam hal ini Aristotle juga masukkan aspek politik sebagai perintah atau ‘*rule*’ (Dahl, 1976: 1). Secara ringkas politik juga didefinisikan sebagai aktiviti yang dibezakan di dalam unit yang memerintah yang berkongsi kuasa melalui

pembahagian kuasa untuk mendapat kebajikan dan terus hidup dalam seluruh komunitinya. Politik ini dilengkapi dengan sistem politik yang membuktikan kejayaan kerajaan memastikan kestabilan dan pemerintahan (Elcock, 1976:3).

Kajian politik juga dikatakan sebagai kajian mengenai pengaruh dan yang berpengaruh. Orang yang berpengaruh adalah mereka yang paling banyak mendapat sesuatu yang boleh diperolehi seperti kehormatan, pendapatan dan keselamatan. Mereka yang paling banyak kuasa ialah golongan *elit* dan yang lainnya adalah *massa* (Lasswell, 1986:3). Talcot Persons (1969) mengikut Peterson menyatakan bahawa politik sebagai kuasa untuk mengekalkan susunan masyarakat (*social order*). Ini disempurnakan melalui sistem yang mempunyai empat *sub-functions* iaitu sosialisasi politik, integrasi, pencapaian matlamat dan adaptasi. Dauglas (1970) mengikut Peterson menyatakan bahawa politik ialah:

**“Any scientific understanding of human action, at whatever level of ordering or generality, must begin with and be built upon an understanding of the everyday life of the members performing those actions.”**

(Peterson, 1990:41-43).

Selain dari itu, politik juga selalunya dikaitkan dengan bidang sains politik. Ia terdiri dari beberapa bahagian iaitu:

- i) **Politik Kebangsaan-** merujuk kepada analisis proses politik di negara sendiri.
- ii) **Politik Antarabangsa-** merujuk kepada aspek yang berkaitan dengan interaksi antara negara
- iii) **Falsafah Politik-** merujuk kepada ilmu politik dan teori
- iv) **Pentadbiran Awam-** merujuk kepada teori tentang birokrasi dan pembentukan keputusan

- v) **Politik Perbandingan-** merujuk kepada teori dan isu-isu politik
  - vi) **Tingkah laku Politik-** yang merujuk kepada sosialisasi politik, penyertaan politik, tingkah laku pengundian, sikap politik kumpulan tertentu dan pendapat awam
- (Kalimuthu, 1987:10-12).

Berry (1972) menjelaskan politik dikaitkan dengan komuniti (community), institusi (institution) dan kerajaan (government). Komuniti berperanan mewujudkan politik, institusi dan kerajaan. Tindakan kerajaan separuhnya dilaksanakan oleh komuniti. Komuniti dan kerajaan pula bukannya bersifat identiti. Komuniti selalunya bebas, sementara kerajaan pula bergantung kepada komuniti. Menurut MacIver yang dipetik dari Berry bahawa kerajaan hanya sebahagian dari cara hidup dan mempunyai hubungan yang kompleks untuk membentuk komuniti atau masyarakat. Asas utama pembinaan politik dan kerajaan ialah masyarakat. Kerajaan merupakan agen yang membuat keputusan dalam masyarakat – untuk mencapai matlamat komuniti dan ahli-ahlinya. Semua matlamat melibatkan keselamatan, prestij, kestabilan ekonomi, sosial, struktur politik dan kepercayaan (Berry, 1972: 4-5).

Dalam kajian ini, penulis menumpukan perhatian kepada penyertaan politik golongan pendatang Filipina di Sabah. Kajian penyertaan politik (*political participation*) biasanya melibatkan tingkah laku pengundian (*electoral behavior*). Kebanyakan kajian cuba mencari jawapan kenapa individu-individu turut serta mengundi dalam mana-mana pemilihan pemimpin, namun kurang yang menggunakan kajian secara kuantitatif mengenai penyertaan politik dalam sebuah negara. Satu konsep baru yang biasa digunakan untuk melihat penyertaan politik ialah sosialisasi politik (*political socialization*). Sosialisasi politik cuba menerangkan orang yang diorientasikan (*people oriented*) dalam peristiwa-peristiwa politik. Konsep ini secara langsung memperlihatkan

ilmu pengetahuan, nilai-nilai dan kepercayaan seluruh warga negara. Apa yang warga negara mahu dari kerajaannya? Adakah dia patuh untuk menyokong dasar-dasar atau pemimpin-pemimpin politik? Di bawah peraturan apa? Teori sosialisasi politik menganggap bahawa: 1) Setiap warga negara yang datang dari pelbagai bangsa mempunyai perasaan dan kepercayaan yang berbeza-beza terhadap pemimpin (ahli-ahli politik) dan struktur politik mereka. 2) Setiap warga negara mempunyai pelbagai tingkah laku terhadap cara kehidupan politik mereka akibat dari pelaksanaan dasar kerajaan (Prewitt & Dawson, 1969:4).

Menurut Harris (1976) pula, satu dari aspek politik adalah cubaan untuk memastikan bahawa manusia dapat menyelesaikan perselisihan mereka. Ahli-ahli sains politik menyebutkan bahawa:

**“...how people institutionalize their disagreement, and this is a very important part of the subject. In much the same way, economists are most interested in scarcity. The ideal situation does not exercise them. Although people do not essentially need institutions to settle their differences, they do normally tend to create some type of political institution such as a parliament, court or party in order to help them keep their conflicts under control.”**

(Harris, 1976: 13-14)

Ramai ahli teori politik juga menumpukan penglibatan warga negara ke dalam politik. Penglibatan di dalam politik biasanya menggambarkan tindak balas individu mengatasi ketaksamaan sosial dan ekonomi di dalam masyarakat terutamanya masyarakat kapitalis. Penglibatan ini menyediakan peluang kepada mereka untuk mengurangkan ketaksamaan sosial dan ekonomi melalui kuasa politik (Orum, 1989: 250-251).